

17 MAY 1997

Cyberjaya-Othman

PUSAT IT KHUSUS AKAN DIBINA DI CYBERJAYA

SEPANG, 17 Mei (Bernama) -- Pembangunan bandar raya pintar negara yang pertama, Cyberjaya akan memasukkan pusat khusus untuk keperluan industri IT, kata Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corporation (MDC) Tan Sri Othman Yeop Abdullah hari ini.

Beliau berkata di antara pusat khusus yang akan dibina di kawasan pembangunan seluas 2,855 hektar itu ialah pusat penyelidikan dan pembangunan untuk syarikat IT, pembangunan pusat bagi pasaran yang berorientasikan teknologi dan pusat pendidikan dan latihan bagi pekerja peringkat tinggi dalam industri IT.

Othman berkata semasa upacara pecah tanah Cyberjaya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini.

"Cyberjaya akan mendahului yang lain dalam pembangunan industri multimedia dan melengkapinya dengan pembangunan dan operasi pusat pentadbiran pintar yang baru Putrajaya," kata Othman yang juga Pengerusi Cyberview Sdn Bhd, pemaju Cyberjaya.

Pemegang saham Cyberview ialah Setia Haruman Sdn Bhd (55 peratus), NTT Corporation (15), Golden Hope Plantation Berhad (10), Permodalan Nasional Berhad (5), Kerajaan Negeri Selangor (5) dan MDC (10).

Cyberjaya dan tiga lagi projek utama dalam Koridor Raya Multimedia (MSC), iaitu Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Putrajaya and Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), akan dihubungkan dengan lebuh raya "Route 2020", dan kereta api ekspres untuk memberikan pengangkutan yang cekap antara pintu masuk bahagian utara dan selatan MSC.

Cyberview akan membangunkan sebahagian besar keperluan prasarana dalam Zon Pembangunan Teras seluas 2,855 hektar itu, manakala perkhidmatan dalam zon tersebut akan ditawarkan untuk dijual kepada para pemaju dan pelabur.--BERNAMA

NI RI